



Tahun 3 No. 6

1 hbl. May, 1958

SULTAN MENGUCHAPKAN TERIMA KASEH
Lebeh 9,000 orang telah menziarahi Baginda2 tahun ini

LEBEH dari 9,000 orang rakyat Brunei yang terdiri dari segala bangsa dan Ugama telah berkunjung ka-Istana Darul-Hana Brunei kerana menziarahi Duli2 Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah sapanjang Hari Raya Puasa ini. Mereka2 itu termasuk laki2 dan perempuan dari bilangan kanak2, orang muda2 dan orang tua2, bukan sahaja dari sekitar Bandar Brunei bahkan juga dari seluruh pelusok Negeri Brunei yang jauh2.

Atas kunjungan muhibbah rakyat Brunei itu, Baginda2 dengan ini menguchapkan satinggi2 terima kaseh dan berharap semoga perhubungan rapat yang samacham ini akan kekal dan semakin bertambah meriah pada tahun2 yang akan datang, dalam menyambut dan meraikan hari yang berbahagia Hari Raya 'Aidil Fitri ini.

Tahun ini peluang telah di-berikan oleh DYMM bagi menziarahi Baginda2 ada lebeh panjang dari tahun lalu, yang hanya selama lima hari manakala tahun ini selama 7 hari, ia-itu mulai dari Hari Raya yang kedua (hari Ithnin) hingga kapada hari Ahad 27hbl. April yang lalu ini.

Jumlah angka yang tepat orang2 yang telah mengunjongi Baginda2 dari berbagai2 bangsa dan Ugama tahun ini ia-lah 9,053 orang dan pada tahun lalu berjumlah sebanyak 7,903 orang.

Pada Hari Ithnin orang2 yang berkunjung ka-Istana menziarahi Baginda Sultan dan Sultanah berbilang sebanyak 2,505 orang, Hari Thalatha 3,100 orang, Rabu 1,333 orang, Khamis 580 orang, Juma'at 979 orang, Sabtu 425 orang dan pada Hari Ahad seramai 131 orang.

Sementara itu segala orang yang hendak menziarahi Baginda2 sabelum di-jemput mengadap berziarah terlebih dahulu di-jamu dan di-ambil ingatan nama2 mereka masing2.

PERADUAN MENGARANG DAN MENTERJEMAH

Mujallah ENCOUNTER yang bergabung dengan "International P.E.N. akan memberikan hadiah2 kepada terjemahan cerita pendek dalam Bahasa Inggeris yang terbaik sekali yang asal-nya di-tulis dalam Bahasa2 Asia, Arab atau Africa.

Hadiah pertama: £100 kepada pengarang, £100 kepada penterjemah.

Hadiah kedua: £50 kepada pengarang, £50 kepada penterjemah.

Nama2 yang di-bawah ini telah bersetuju menjadi hakim:

Graham Greens, Stephen Spender, Angus Wilson dan Gerarđ Hopkins.

Ranchana itu tidak di-hadkan, tetapi syarat2 di-bawah ini adalah terikat kepada calon2:

1. Hanya satu cerita dari beberapa penulis yang akan di-tiup-bangkan. Boleh jadi di-kirim oleh penulis atau penterjemah dengan kebenaran penuh dari satu2 pihak. Penulisnya bukan-lah juga penterjemah. Panjang-nya di-antara 2,500 dan 5,000 perkata'an.

2. Cerita yang akan di-kirim itu bukan-lah yang sudah pernah di-cetak dalam terjemahan Inggeris, walaupun sekali pun terjemahan-nya sudah mendapat kebenaran untuk di-cetak dalam bentuk buku lewat dari 31hb1. March, 1959, boleh di-terima. Yang di-kehendaki ia-lah terjemahan-nya, biar pun cerita asal-nya mesti disediakan jika di-kehendaki hakim.

3. Butir2 yang berikut hendak-lah di-terangkan dengan lambaran berserta-nya (bukan surat): Tajok cerita; bahasa yang telah di-terjemah; panjang-nya; nama, alamat dan bangsa si-penterjemah; dan pe-

ngakuan yang terjemahan itu tidak akan tersiar di-mana2 sabelum 31hb1. March, 1959.


4. Cerita2 hendak-lah di-taip dan di-alamatkan kepada ENCOUNTER (Story-Competition), 25 Haymarket, London, S.W.1., tiba tidak lewat dari 31hb1. October, 1958.

Cerita2 yang di-terima tidak-lah akan di-kembalikan kechawali di-ser-tai dengan alamat yang terang dan bayaran pos yang cukup (British Postal Order or International Reply Coupons).

5. Cerita2 yang berjaya akan di-siarkan dalam Mujallah ENCOUNTER, yang telah di-fikirkan layak dari segala cerita2 yang di-terima untuk di-siarkan pada masa2 hadapan. Kalau tidak ada satu cerita pun yang telah di-terima sesuai, maka hakim2 ada-lah berhak tidak akan mengeluarkan apa2 hadiah.

6. Hakim2 tidak di-benarkan memasoki pertandingan ini, dan keputusannya ada-lah muktamad.

Luas Negeri Brunei ia-lah 2,226 batu persegi dan ramai penduduk-nya ia-lah (kira2) 65,000 orang.



BALEK SALEPAS MENEMUI CHALON2 DAN MENGHADZIRI PEMBUKA'AN SAMBONGAN BANGUNAN RADIO SARAWAK

Tuan Pegawai Penerangan Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengeran Mohammad Yusuf telah selamat tiba di-Brunei dari Singapura dan Kuching setelah menemui chalon2 yang akan berkhidmat di-Radio Brunei di-Singapura dan menghadziri pembuka'an resmi sambungan bangunan Radio Sarawak di-Kuching pada 28hbl. April, 1958 yang baharu lalu ini, sebagai salah sa-orang wakil dari Brunei. Wakil yang lain yang telah menghadziri pembuka'an resmi bangunan tersebut ia-lah Tuan John Duclos, Ketua Radio Brunei.

Bersama2 Pengeran yang telah menemui chalon2 yang akan berkhidmat di-Radio Brunei di-Singapura itu ia-lah Tuan Ketua Radio Brunei, John Duclos dan Juru-tera Marconi, Mr A.T. Dunk. Kedua2 beliau ini telah bertolak ka-Singapura terdahulu dari Pengeran Mohammad Yusuf kerana menyediakan peralapan2 bagi Pengeran untuk mengadakan pemeriksaan' an kapada chalon2 itu. Pengeran Mohammad Yusuf telah mewakili Jawatan Kuasa Perkhidmatan Awam Negeri Brunei.

Ketiga2 beliau itu telah bertolak dari Singapura pada 26hbl. April yang lalu, dengan kapal terbang; Pengeran Mohammad Yusuf dan John Duclos singgah di-Kuching kerana menghadziri pembuka'an resmi sambongan bangunan Radio Sarawak menakala A.T. Dunk terus balek ka-Brunei pada hari itu juga.

MEREKA MENGAKU SALAH

Enam orang Pegawai2 kanan Partai Rakyat Brunei dan sa-orang Pegawai Kerajaan di-Pejabat Sukat Bandar Brunei telah hadir di-Mahkamah Brunei di-hadapan Tuan Hakim R.G.P.N. Combe pada 29hbl. April yang lalu ini kerana perintah dari Pendaftar Pertubohan2 Negeri Brunei atas kesalahan tidak memberi tahu pihak pendaftar berkenaan kira2 Partai Rakyat dalam tempoh 30 hari, yang telah berakhir pada tengah malam 17 hbl. April, 1958.

Tudohan ka-atas Othman Sunggoh sa-orang Pegawai dari Pejabat Sukat itu telah di-tarik balek oleh pihak yang berkenaan.

Yang lain-nya telah mengaku salah, dan Sdr A.M. Azahari terkena denda sebanyak \$20/- menakala H.M. Salleh, Awang Hidup, Yassin Affendi, Awang Hapidz dan Abdullah Ja'afar terkena denda sebanyak \$10/- tiap2 sa-orang.

ROMBONGAN PERTAMA ORANG2 HAJI DARI BRUNEI SELAMAT SAMPAI

Rombongan yang pertama orang2 Haji dari Brunei yang telah berangkat ka-Tanah Suchi tahun ini, di-fahamkan telah selamat tiba di-Jeddah pada hari Sabtu yang lalu, dengan kapal Anshun.

Rombongan itu telah belayar melalui Singapura dan Pulau Pinang.

Demikian satu kawat yang telah di-terima dari Jeddah.

KEPUTUSAN DARI MAHKAMAH TINGGI Mengenai Che'gu H.M. Salleh

Mengikut satu keputusan bertulis yang telah di-berikan oleh Mahkamah Tinggi di-Kuching, Sarawak mengenai pembichara'an Che'gu H.M. Salleh dengan Mr D.L. Bruen (Penolong Resident, Brunei), A.S.P. Pengeran Jaya (O.C.P.D., Brunei) dan Inspector Chua Kong Leng yang berthabit dengan satu peristiwa berlaku, di-Brunei Hotel tahun lepas, maka pembichara'an yang telah berlangsung di-Mahkamah Tinggi Brunei pada 25 dan 26 hbl. March, 1958 itu telah di-buangkan.

Dalam pembichara'an yang telah di-buangkan itu, Che'gu H.M. Salleh menuntut supaya pihak yang di-dakwa membayar kepada-nya sebanyak \$10,000/-, sabagaimana di-siarkan pada keluaran Pelita Brunei 1 hbl. April, 1958.

Che'gu H.M. Salleh hanya terkena membayar sebanyak \$500/- pula sabagai ganti kerugian bagi pihak yang di-dakwa.

GAMBAR2 DI-MUKA 3

Gambar (1) dan (2) ia-lah pemandangan2 semasa pembuka'an resmi Bilek Bacha'an Penerangan Brunei yang bertempat di-Tutong.

(1) menunjukkan Yang Berhormat Pengeran Haji Abu Bakar, Pegawai Daerah Tutong sedang beruchap selepas membuka bilek bacha'an itu dengan resmi-nya. Yang berdiri di-sabelah-nya itu ia-lah Tuan Pegawai Penerangan Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengeran Mohammad Yusuf.

(2) pembacha2 pertama sedang melehat2 mujallah2 dalam bilwk itu.

Gambar (3) ia-lah Inche' M. Hussain (yang bertali liher) tatkala tiba di-Brunei selepas menghadiri Seminar Guru2 di-Australia baharu2 ini. Beliau sedang di-sambut oleh saudara-nya sa-pupu Awang Ja'afar, sa-orang Pegawai dari Immigration Brunei.

- Gambar2 GBIS -

MENGHADZIRI PENGURNIA'AN SIJIL KAPADA PENUNTUT2 POLICE -

Tuan Chief Police Officer, Brunei, A.N. Outram di-jangka akan bertolak ka-Kuching dengan kapal terbang besok kerana menghadziri istiadat pengurnia'an sijil2 kapada penuntut2 Police yang lulus yang telah menamatkan penuntutan-nya di-Police Training School, Kuching sejak sa-tahun dahulu.

Tuan Outram, sasudah itu di-jangka akan balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada hari Ithnin 5hbl. May akan datang ini.

Penuntut2 Brunei yang telah lulus itu yang berbilang sa-banyak 28 orang akan bertolak ka-Brunei dari Kuching pada hari Ahad 4hbl. May dengan kapal Kerajaan Brunei, BOLKIAH.

S.P. MALAYA MELAWAT KA-BRUNEI

Inche' Arif bin Darus, Superintendent of Police Persekutuan Tanah Melayu dari Kuala Lumpur di-jangka akan tiba di-Brunei dengan kapal terbang lusa dalam satu lawatan-nya ka-Seria, Brunei.

Inche' Ariff akan memereksa Police2 Malaya yang berkhidmat dengan Kerajaan Brunei yang di-tempatkan di-Seria.

Ketiba'an-nya di-Lapangan Terbang Brunei akan di-temui oleh A.S.P. Pengeran Jaya, O.C.P.D., Brunei dan akan bertolah ka-Seria pada ke-esokan hari-nya.

S.P. Ariff akan berada di-Seria dan Kuala Belait sahingga hari Rabu 7hbl. May akan datang ini, dan akan bertolak balek ka-Malaya pada 8hbl. May dengan kapal terbang juga.

Luas Persékutuan Tanah Melayu ia-lah 50,690 batu persegi dan ramai penduduk-nya ia-lah (kira2) 6,277,000 orang (1957).

++++++
MASHUARAT AGONG PGG
Pada 3hbl. May dan
bukan-nya hari ini
Mashuarat Agong
Persekutuan Guru-
Guru Melayu Brunei
akan di-langsungkan
pada 3hbl. May akan
datang ini dan bu-
kan-nya pada hari
ini sabagaimana
yang di-chadang
oleh persekutuan
itu dahulu.
Maka dengan ini
semua ahli2 PGG
ada-lah di-minta
hadzir pada hari
yang di-tentukan
itu (3/5/58) ka-
Sekolah Melayu Raja
Isteri Fatimah di-
Bandar Brunei pada
jam pukul .8.30
pagi.
++++++

DI-MINTA HADZIR KA-BILEK CONFERENCE

Ahli2 Jawatan Kuasa Keindra'an dan Perarakan Laut dan Darat, Peraya'an Istiadat bersunat di-Raja ada-lah dengan ini di-puhunkan hadzir ka-bilek Conference di-Pejabat Besar Kerajaan Brunei pada 3hbl. May, 1958 tidak lewat dari jam 8.30 pagi kerana merundingkan perkara:

1. Melantek Pengurusi dan Setia Usaha bagi Jawatan ini, dan
2. Berkena'an keindra'an2 di-kehendaki dan chara2 mengadakan perarakan laut dan darat. Juga mengangggarkan jumlah perbelanja'an-nya.

Ahli2 Jawatan Kuasa ini ia-lah:

Yang Mulia Inche' Abas bin Haji Ibrahim, Yang Mulia Inche' M. Taib bin A. Borneo, Yang Mulia Che' Taha Bakir, Yang Amat Mulia Pengeran Muda Haji Ismail, Yang Amat Mulia Pengeran Muda Saifuddin, Yang Mulia Pengeran Ya'kub bin P.K.I. Mohammad, Yang Amat Mulia Pengeran Muda Haji Mohammad, Yang Mulia Pengeran Haji Mahmud bin P. Haji M. Daud, Yang Mulia Che' Abdul Ghani, Yang Mulia Ahmad Hashim (Inspector), Yang Mulia Che' Hamiddun dan Yang Mulia Inche' Salleh Kadir (Asst Information Officer, Brunei).

- --oooOooo-- -

TURNBULL MENGGANTI WILSON -

Tuan P.E. Turnbull, bekas C.P.O. Brunei, yang pada masa ini menjadi Timbalan Pesuruh Jaya Police Negeri Sarawak di-fahamkan akan menggantikan tempat Tuan G.S. Wilson, sebagai Pesuruh Jaya Police bagi Sarawak dan Brunei.



Inche' Abdul Ghani bin Hassan telah di-lantek menjadi Pemangku Pegawai Daerah Seria mulai dari 29hbl. March, 1958.
Mulai dari tarikh itu juga Mr Patrick G. McAfee tidak lagi menjadi Pemangku Pegawai Daerah tersebut.

KA-TANGANYIKA -

Tuan G.S. Wilson, Pesuruh Jaya Police Negeri Sarawak yang juga menjadi Pesuruh Jaya Police Negeri Brunei, sekarang telah menjawat jawatan yang sama di-Tanganyika.

Tuan Wilson telah tiba di-Bandar Brunei dari Miri, Sarawak melalui Kuala Belait dan Seria dalam satu lawatannya terakhir sebelum bertolak ka-Tanganyika.

Dalam berada di-sini beliau telah mengambil kesempatan mengadap Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan di-Istana.



Bank darah negeri
Brunei sangat-sangat
menhendaki darah
dari orang ramai yang
mempunyai badan yang
sehat untuk di-guna-
kan bagi orang2 yang
sakit terok di-negeri
ini. Oleh itu, orang

ramai ada-lah di-jemput dengan sukarela memberi pertolongan yang sangat2
di-kehendaki itu dengan jalan mendermakan darah-nya.

Gambar atas menunjukkan sa-orang pemuda sedang mendermakan darah-nya,
manakala gambar di-bawah kelihatan sa-orang juru rawat sedang
memasukkan darah kepada sa-orang awam di-Rumah Sakit Besar di-Bandar
Brunei.

Menderma DARAH terutamanya MENYELAMATKAN nyawa.